

## UM040408-Jabatan Perhutanan arah aktiviti pembalakan dihentikan

ALOR STAR 3 April – Jabatan Perhutanan negeri mengarahkan semua aktiviti pembalakan di sekitar daerah Padang Terap dekat sini dihentikan serta-merta berikutan aduan mengenai kegiatan pengeluaran balak secara besar-besaran di kawasan itu.

Pengarahnya, Kassim Osman berkata, semua aktiviti pembalakan di kawasan berkenaan terpaksa dihentikan ekoran pengeluaran balak yang terlalu banyak dalam tempoh yang singkat.

“Dalam tempoh itu, siasatan akan dijalankan bagi mengenal pasti ke mana hilangnya balak-balak tersebut dan mengesan mereka yang terlibat dalam kegiatan itu,” katanya kepada Utusan Malaysia ketika dihubungi di sini hari ini.

Menurutnya, Jabatan Perhutanan negeri telah menerima aduan daripada Pejabat Menteri Besar mengenai pengeluaran balak yang tidak terkawal di kawasan berkenaan.

“Semuanya masih dalam siasatan. Tunggu sehingga siasatan selesai,” ujarnya.

Menteri Besar, Azizan Abdul Razak hari ini mendakwa, aktiviti pengeluaran balak di daerah Padang Terap berlaku secara besar-besaran dan beliau telah menyerahkan pada Jabatan Perhutanan untuk menyelesaikannya.

Menurut laporan akhbar sebelum ini, Kedah mempunyai 190,000 batang balak dengan jumlah pengeluaran sebanyak 2,300 batang sehektar setiap tahun dan Kedah merupakan antara negeri yang sering dikesan berlakunya pembalakan haram selain Kelantan, Pahang dan Perak.

Malah jumlah itu tidak termasuk balak yang terdapat di kawasan hutan simpan yang mempunyai keluasan antara 20,000 dan 30,000 hektar.

Mereka yang terbabit kesalahan itu boleh didakwa di bawah Seksyen 15 Akta Perhutanan Negara (4) 1984 dan jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM500,000 atau penjara tidak kurang satu tahun atau tidak lebih 20 tahun.